

GARIS PANDUAN PENYERTAAN ACARA HARGA JUALAN MURAH BAGI BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN SELARAS DENGAN PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA (HARGA JUALAN MURAH), 2012

GUIDELINES ON PARTICIPATION IN CHEAP SALE PRICE EVENTS IN RELATION TO GOODS OR SERVICES PURSUANT TO THE PRICE CONTROL (CHEAP SALE PRICE) REGULATIONS, 2012

.....

1. Setiap syarikat yang berhajat untuk mengadakan acara harga jualan murah perlu terlebih dahulu memaklumkan kepada **Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri**.

*Any businesses who wishes to conduct any cheap sale price event must notify to the **Department of Economic Planning and Development (JPKE), Prime Minister's Office**.*

2. Semua barangan atau perkhidmatan yang dijual hendaklah dibubuh **tanda harga dengan terang dan jelas** selaras dengan Peraturan 9 (1) di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012.

*All goods or services on display must be **clearly price tagged** as required by Regulation 9 (1) of the Price Control (Cheap Sale Price) Regulations, 2012.*

3. Harga-harga bagi barangan yang turut serta dalam acara harga jualan murah adalah dikehendaki untuk diberi potongan (diskaun) harga **tidak kurang 10% dan digalakkan diberikan peratus potongan yang lebih tinggi**.

*All prices involved in the cheap sale price event must be given **a discount of not less than 10% and are encouraged to be given higher discount percentages**.*

4. Gedung-gedung perniagaan dan lain-lain perniagaan digalakkan untuk menawarkan potongan harga dalam jumlah yang terbanyak iaitu **tidak kurang dari 40% barangan yang ada dijual di dalam premis berkenaan**. Bagi kategori barangan runcit, elektrik dan elektronik, sekurang-kurangnya 15 jenis barangan hendaklah ditawarkan potongan harga.

*Department stores and other businesses are encouraged to give discount for as many goods displayed in the premises as possible or **not less than 40% of the goods displayed in the premises**. For grocery, electrical and electronic goods, at least 15 types of such goods must be given discount.*

5. Syarikat perniagaan dikehendaki menyertakan senarai harga barangan atau perkhidmatan (*hard copy* dan *soft copy*) yang akan diberi potongan harga semasa acara harga jualan murah berserta dengan maklumat lengkap barangan atau perkhidmatan tersebut seperti kod, jenama dan harga asal dan harga selepas potongan dan/atau peratus potongan. Setiap cawangan yang ikut serta juga dikehendaki menghadapkan senarai harga secara berasingan.

Businesses are required to furnish (hard copy and soft copy) the price list of goods or services to be offered at cheap sale price event with details of the goods or services such as bar code, brand and indication of the normal and the cheap sale prices and/or discount percentages. Any participant branch is also required to submit the price list separately.

6. Setiap barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan hendaklah dibubuh dengan **tanda harga asal, harga selepas potongan dan/atau peratus potongan**. Harga asal bermaksud harga paling rendah barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan oleh pemohon dalam masa menjalankan perniagaan di premis yang sama dalam tempoh 30 hari yang berterusan sejurus sebelum bermulanya acara harga jualan murah bermula.

*All goods or services on sale must bear **original price, discounted price and/or discount percentages**. The original price means the lowest price at which the goods or services were supplied or offered to be supplied by applicants in the course of business on the same premises during the continuous period of 30 days immediately prior to the commencement the cheap sale price event.*

7. Syarikat perniagaan dikehendaki mengisikan borang yang disediakan dan borang boleh dimuat turun dari laman web JPKE (<http://www.depd.gov.bn>). Borang yang lengkap hendaklah dikembalikan kepada JPKE **tidak lewat 7 hari sebelum tarikh jualan bermula**.

*Businesses must complete the form which can be downloaded from JPKE website (<http://www.depd.gov.bn>). The completed form must be submitted to JPKE **not later than 7 days before the sale starts**.*

8. Syarikat perniagaan boleh menghadapkan borang makluman dan senarai harga melalui emel kepada sales@jpke.gov.bn.

Businesses can submit the application form and the price lists via email at sales@jpke.gov.bn.

9. Tajuk acara jualan harga murah tidak dibenarkan menggunakan sempena hari-hari kebesaran di Negara Brunei Darussalam. Ini termasuklah Sambutan Hari Keputeraan KDYMM, Sambutan Maulud Nabi Muhammad S.A.W., Sambutan Hari Kebangsaan, Sambutan Israk dan Mikraj dan Majlis-Majlis Adat Istiadat Diraja atau mana-mana istiadat dan upacara yang diisytiharkan dari masa kesemasa. **Tajuk acara harga jualan murah yang dipohonkan tertakluk kepada kebenaran pihak JPKE.**

*It is not permitted for the title of the cheap sale price event be related to any specific national event or celebration in Brunei Darussalam including His Majesty's Birthday Celebration, Prophet Muhammad S.A.W Maulud Celebration, National Day Celebration, Israk and Mikraj Celebration and any other Royal events. **The title of the cheap sale price event is subject to JPKE approval.***

10. Setiap satu acara harga jualan murah adalah selama **21 hari (3 minggu)** dan boleh dipertimbangkan untuk disambung tidak melebihi **10 hari dengan syarat kadar tawaran/potongan harga ditambah sekurang-kurangnya 5% daripada sebelumnya.** Pemohon dikehendaki menghadapkan kembali borang permohonan penyambungan tidak kurang **tiga (3) hari sebelum tarikh sambungan bermula.** Pemohon dikehendaki untuk menyertakan senarai harga barangan yang diberikan potongan semasa acara harga jualan murah dan senarai harga barangan atau perkhidmatan yang akan diberikan potongan semasa tempoh penyambungan dan/atau potongan peratus yang ditawarkan bagi tempoh penyambungan.

*The cheap sale price event shall not exceed **21 days (3 weeks)**. Extension of the cheap sale price event can be considered for not more than **10 days with the condition that an additional discount of 5% at least should be given.** Applicants must submit the extension application form not less than **three (3) days before the start of the extension period.** Applicants are required to furnish the price list of goods or services and indication of the earlier cheap sale price and the extended cheap sale price and/or further discount percentages.*

11. Selepas berakhirnya setiap satu acara harga jualan murah perlu ada jurang selama 14 hari sebelum memohon aktiviti jualan/promosi yang seterusnya.

After the end of each cheap sale price event, a 14-day gap should be given before submission of the following sale/promotion activity.

12. Kuota bagi mengadakan acara harga jualan murah keatas setiap peserta dihadkan **sebanyak empat (4) kali setahun.** JPKE boleh menetapkan jualan berjadual pada suatu tahun kalendar.

*The quota for cheap sale price event is **four (4) times per year**. JPKE may fix scheduled sales in a calendar year.*

13. Jualan Pembukaan atau Jualan Penutupan tidak akan dipotong daripada kuota tahunan dengan syarat dihadapkan ke JPKE surat penyewaan atau penutupan dari pemilik bangunan/unit.

Any Opening Sale or Closing Down Sale will not be deducted from the yearly quota, with the condition that the tenant agreement (renting or terminating) from the owner of the building/unit is submitted to JPKE.

14. Setiap pengiklanan kepada orang ramai melalui mana-mana media perlu disertakan nombor rujukan jualan murah, jenis barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan, tempat di mana acara harga jualan murah diadakan dan jumlah potongan harga (jika perlu) yang telah dibenarkan.

Every advertisement to the public through any means of media must include the cheap sale reference number, the type of goods or services being offered, the location where the cheap sale price event is being carried out and the amount of reduction in price (if necessary) which have been approved.

15. Kain rentang dan iklan jika ada hendaklah menggunakan tajuk acara harga jualan murah yang diluluskan oleh JPKE. Saiz huruf bagi kain rentang dan iklan tidak kurang 1/2 saiz kertas A4.

Banners and advertisements if any must use the title of the cheap sale price event approved by JPKE. The lettering for in-store banners and advertisements must not be less than 1/2 the size of A4 paper.

16. Kain rentang dan iklan hanya dibenarkan **dipasang dan dikeluarkan seawal-awalnya tiga (3) hari sebelum acara harga jualan murah dimulakan**. Semua kain rentang dan iklan jualan dikehendaki membubuh tarikh acara harga jualan murah.

*Banners and advertisements can **be installed and released at the earliest, three (3) days before the cheap sale price event starts**. All sale banners and advertisements will be required to state the duration of the cheap sale price event.*

17. Kegagalan dalam mematuhi keperluan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012 akan menyebabkan penyertaan Syarikat perniagaan dibatalkan. Semua tanda-tanda acara harga jualan murah akan dibuka dengan serta merta.

Failure to comply with the requirements of the Price Control (Cheap Sale Price) Regulations, 2012 will result in the revocation of his/her businesses participation. All signages for cheap sale price event will be taken off immediately.

18. Syarikat perniagaan akan dipertanggungjawabkan jika menerima sebarang aduan daripada orang ramai mengenai barangan atau perkhidmatan yang dijual atau ditawarkan semasa acara harga jualan murah yang melibatkan:
- a) barang-barang yang mempunyai kualiti boleh dagang;
 - b) barang-barang atau perkhidmatan sesuai dengan munasabah untuk tujuan-tujuannya; dan
 - c) waranti atau jaminan keatas barang-barang atau perkhidmatan.

Businesses shall be responsible for a complaint lodged by the public relating to the goods or services sold or offered during a cheap sale price event in relation to:-

- a) merchantable quality of the goods;*
- b) that the goods or services are reasonably fit for their purposes; and*
- c) any warranty or guarantee of the goods or services*

19. Kegagalan dalam mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini adalah dikira sebagai melakukan suatu kesalahan. Kesalahan-kesalahan boleh dikenakan kompaun tidak melebihi BND1,000. Jika masih berulang boleh dikenakan denda sebanyak BND5,000 serta 2 tahun penjara dan kesalahan berikutnya BND20,000 serta 5 tahun penjara.

Failure to comply with any provision of these Regulations is guilty of an offence. Offences can be issued compound not exceeding BND1,000. If continue to do so can be penalised BND5,000 with 2 years imprisonment and subsequent offence BND20,000 with 5 years imprisonment.

20. Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012 ini berkuatkuasa mulai **26 Disember 2012.**

*The Price Control (Cheap Sale Price) Regulations, 2012 is effective from **26 December 2012.***